

FORUM

AKADEMIA MELAKA

BIL.5 NO. 2

OKTOBER, 1996

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada
Pentadbiran Awam Masa Kini
Norhayati Mohd Salleh


Defisit Imbangan Pembayaran dan
Beberapa Implikasi Polisi
Arifin Md. Salleh

Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam
Hassan Baharom

Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni
Mohd Pital Zainal

Towards Improving Team Building in Organizations
Vijaya Letchimi S. Thayan

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA



F O R U M

AKADEMIA MELAKA

- Penasihat** Dr Ibrahim Kamal Abdul Rahman
Jamaluddin Hj Bujang
- Ketua Editor** Rozalli Hashim
- Sidang Editor** Shahariah Othman, Mohd Pital Zainal, Sujatha Menon, Hazami Kamaruddin,
Mahadzir Ismail dan Ismail Embong.

FORUM AKADEMI MELAKA adalah forum akademik dalaman bagi para tenaga akademik di ITM Melaka. Ianya diterbitkan setiap bulan atau apabila mencukupi kuota bilangan artikel. Ia bertujuan untuk menjadi forum kepada ahli-ahli akademik kampus berkongsi maklumat mengenai bidang masing-masing termasuk aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran dalam dua bahasa; Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Segala penemuan, interpretasi dan kesimpulan yang dimuatkan di dalam forum ini adalah pandangan mutlak para penulis dan tidak boleh dijadikan pandangan atau pendirian ITM Melaka. Oleh yang demikian, FORUM AKADEMI MELAKA tidak mengambil tanggungjawab kepada penggunaan sebarang maklumat yang diterbitkan sama ada untuk tujuan akademik atau tujuan-tujuan lain.

FORUM AKADEMI MELAKA mengalu-alukan sebarang komen dan maklum balas dari para pembaca. Sila kirimkan pandangan anda kepada Ketua Editor melalui alamat berikut :-

Ketua Editor
FORUM AKADEMI MELAKA
Pejabat USPP
ITM Melaka
78000 Alor Gajah

(C) Hak Cipta Terpelihara

Undang-undang negara mengenai hak cipta adalah terpakai. FORUM AKADEMI MELAKA menggalakkan sebaran maklumat yang diterbitkan dan memberi kebenaran dicetak semula melalui permohonan rasmi tetapi hanya bagi tujuan akademik dan bukan untuk mendapatkan keuntungan. Sebutan sumber asal adalah dialu-alukan.

Percetakan dan Jilid : Rahayu Harun, Mansor Abu Hassan dan Sharif Sulong

FORUM AKADEMI MELAKA merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang yang menjayakan penerbitannya.

FORUM AKADEmia MELAKA

Bilangan 5

Oktober 1996

Nombor 2

Kandungan/Contents

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada Pentadbiran Awam Masa Kini <i>Norhayati Mohd Salleh</i>	1
Defisit Imbangan Pembayaran dan Beberapa Implikasi Polisi <i>Arifin Md. Salleh</i>	10
Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam <i>Hassan Baharom</i>	19
Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni <i>Mohd Pital Zainal</i>	29
Towards Improving Team Building in Organizations <i>Vijaya Letchimi S. Thayan</i>	36

Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam

Hassan Baharom*

Abstrak

'MADINAH' adalah nama yang telah diubahsuai oleh Rasul Allah saw daripada 'Yathrib'. Kata Madinah sendiri sudah memberi makna 'bandar atau kota'. Soalnya apakah tujuan dan maksud Rasul mengubahsuai nama tersebut, dan mengapa ianya diubah ?. Dan apakah hikmah Rasul Allah saw mengubahsuai nama tersebut. Penulis berpendapat ada faktor dan mesej serta strategi yang hendak dikemukakan oleh baginda, namun baginda tidak mempermosikannya dalam bentuk ucapan tetapi dalam bentuk tindakan. Kerana itu kertas ini ingin melihat secara sepintas lalu tentang ciri dan fungsi bandar yang telah diasaskan oleh Rasul Allah saw, dan apakah ciri dan fungsi bandar itu telah digunapakai oleh Majlis-majlis perbandaran di Negara ini, khususnya Negeri Melaka yang merujuk kepada 'Melaka Bandaraya Bersejarah'.

Pendahuluan

Kata Mahyuddin Yahya “ kebanyakan bandar-bandar di Malaysia boleh dianggap sebagai bandar orang-orang Islam dan bukan bandar Islam, kerana bandar-bandar di Malaysia meyoriti penduduknya golongan non-muslim. Kedua kerana pentadbirannya tidak berasaskan kepada kepentingan spritual tetapi mementingkan pembangunan sosial dan fizikal sahaja. Ketiga kerana terdapat di dalamnya elemen-elemen merosakkan seperti perjudian, pelacuran, rasuah, rompakan, penyelewengan kuasa, penyalahgunaan dadah, kelab malam dan sebagainya...” (*Sulong Muhammad*: 54). Apakah benar kenyataan tersebut?. Mungkin ya dan mungkin tidak. Kerana itu bertitik tolak daripada kenyataan tersebut kita akan melihat sejauhmana perbandaran di negara ini menepati kehendak konsep bandar dalam prespektif Islam.

* Ustaz Hassan Baharom adalah Pensyarah Pusat Pengajian Islam di Institut Teknologi MARA Melaka

Bandar adalah pusat kepada perkembangan tamadun manusia. Kemunculan Islam sebagai agama teragung dan mulia umpamanya adalah bertitik mula daripada bandar. Bermula daripada Mekah dan seterusnya Madinah. Malah bandar adalah tempat yang paling banyak mengalami perubahan sama ada dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Rasul Allah saw telah cuba merangka satu sistem penstrukturan pengurusan bandar yang sesuai dengan keadaan zaman dan masa pemerintahan baginda. Hasil daripada usaha dan kegigihan yang baginda lakukan telah terbina sebuah negara bandar iaitu 'Madinah'.

Walaupun baginda telah berjaya menstrukturkan sistem pengurusan bandar, tetapi apa yang baginda buat itu tidak semestinya kita ikut sepenuhnya atau dapat diaplikasikan sepenuhnya pada masa ini, kerana perbezaan masa, tempat, keadaan dan sinario masyarakat. Rasul Allah saw sendiri mengungkapkan bahawa kita adalah lebih *arif* dengan suasana alam kita.

Definisi bandar

Terdapat banyak pandangan mengenai istilah bandar. Dari pandangan ahli geografi barat *Maunier* melihat bandar ini adalah satu masyarakat yang lengkap di mana kedudukan geografinya menghadkan saiz penduduknya atau di mana elemen-elemen kawasannya lebih banyak bergabung jika dibandingkan dengan elemen-elemen kemanusiaan' (*Sulong Muhammad*: 131). Sementara *Louis With*, seorang ahli sosiologi menekankan soal bentuk dan kualiti bandar sebagai kawasan penempatan yang mempunyai penduduk yang ramai, padat dan latar belakang sosial yang pelbagai. *Weber* seorang ekonomist menyatakan bahawa bandar adalah satu kawasan di mana penduduknya menjalankan kegiatan perniagaan dan perindustrian. (*Sulong Muhammad* : 132). Sementara *Johari Mat*, seorang penyelia perancangan di Lembah Kelang menyatakan bandar adalah satu kawasan tepubina di mana terdapat bangunan-bangunan, rumah-rumah, jalan-jalan dan gunatanah bandar yang padat serta intensif dan pada keseluruhannya bukan pertanian, dan kawasan-kawasan fizikal yang terlibat tidak dihadkan oleh sempadan pentadbiran kerajaan tempatan, politik dan pekan.' (*Sulong Muhammad*: 391)

Walaubagaimanapun pendapat tokoh-tokoh di atas belum begitu menyeluruh dan menepati kehendak maksud bandar dari perspektif Islam. Ini dapat kita lihat daripada pandangan yang dikemukakan oleh seorang tokoh sosiologi Islam yang terkenal iaitu Ibn Khaldun. Beliau berpendapat bandar adalah merupakan suatu kawasan desa yang telah dimakmurkan oleh penduduknya sama ada penduduk asal atau pendatang daripada desa dan kebanyakannya bergiat dalam bidang perdagangan, pertukangan, menjahit serta bergiat dalam bidang sosial, politik dan pendidikan. Taraf kehidupan di bandar lebih mewah dan lebih kaya berbanding penduduk desa dan mempunyai latarbelakang sosial yang berbeza. Namun begitu terdapat saling berhubungan dan pergantungan, khususnya di dalam bidang ekonomi di antara penduduk bandar dan desa. Setruktur kehidupan di

bandar Islam lebih menekankan masyarakat yang berasaskan perpaduan, kerjasama dan kejiranan. Bahkan struktur pola-pola jalanraya memaparkan pemakaian konsep *cul-de-sacs* (jalan mati) dan jaringan jalan-jalan yang bersambung.' (*Ibn Khaldun: 388*). Sementara dari aspek yang lain Ibn Khaldun melihat istilah bandar sebagai *Madaniyah* atau *Urbanisasi* iaitu satu proses kehidupan bandar yang membawa ciri-ciri kemakmuran dan tamadun, berbeza dengan kehidupan kampung yang lebih bersifat kuno dan statik. Kadang kala beliau melihat bandar itu sebagai tamadun atau '*Umran*' yang membawa maksud kemakmuran dan kemajuan. (*Ibn Khaldun: 388*)

Sejarah Perbandaran Dalam Islam

Al-Qur'an menyebut perkataan Madinah sebanyak 17 kali. Antaranya Allah swt menyatakan bahawa pada zaman Nabi Musa as terdapat sebuah bandar bernama *Memphis*, di mana bandar itu tempat tinggal pembesar-pembesar negeri yang telah merancang untuk membunuh Nabi Musa as, tetapi rancangan gagal kerana telah diketahui oleh Musa as. Tersebut juga dalam al-Qur'an tentang kota Madinah (Yathrib) iaitu pusat bandar dan pemerintahan negara Islam pertama di bawah pimpinan Rasul Allah saw.

Kehidupan bandar tidak asing bagi umat Islam, kerana kelahiran agama Islam bermula daripada bandar. Malah Nabi saw dan kebanyakan para sahabatnya seperti Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Uthman al-Affan, Ali bin Abu Talib, Talhah b Ubaidillah dan Zubair b al-Awwam adalah dilahirkan di bandar Mekah, dan kota Mekah sebelum kedatangan Islam adalah pusat perdagangan dan kebudayaan terpenting di Semenanjung Tanah Arab. Ini memberi makna kepada kita bahawa umat Islam mampu hidup dan menyesuaikan diri dengan kehidupan bandar.

Malah apabila umat Islam berhadapan dengan tekanan dan desakan kehidupan di kota Mekah, kesejahteraan dan keselamatan diri dan keluarga terancam. Umat Islam diperintah oleh Rasul Allah saw berpindah ke bandar yang selamat iaitu *Habsyah* (satu bandar yang agak bertamadun ketika itu) kemudian ke *Taif* dan seterusnya ke *Madinah*. Semua tempat yang dipilih oleh Rasul Allah saw untuk umat Islam berhijrah adalah kota atau bandar, yang diduduki oleh masyarakat yang maju dan bertamadun. Baginda tidak memilih tempat yang jauh di pergunungan untuk umat Islam menyelamatkan diri dari kesengsaraan hidup dan tekanan dari kaum Quraysh. Ini bermakna bandar adalah tempat yang paling sesuai dan selesa untuk membina kekuatan sama ada dari aspek pendidikan, keselamatan, ekonomi dan sosial.

Kehidupan bandar tidak boleh dipisahkan dengan Islam, kerana kotalah menjadi asas kepada perkembangan agama Islam, justeru itulah apabila Rasul Allah saw berpindah ke Yathrib baginda menukar nama kota itu kepada Madinah. Kata w.Montgomery Watt "*The first Muslims were not bedouin actually living in the desert,*

but men from the commercial centre of Mecca and the agricultural oasis of Medina”. Malah para pelopor kepada penyebaran Islam yang ulung adalah berpusatkan kepada golongan Muhajirin dan al-Ansar yang berasal daripada penduduk bandar, dan jarang sekali terdapat tokoh-tokoh yang datang daripada kaum badwi yang tinggal di padang pasir. Ini adalah disebabkan kerana ketiadaan kemudahan dan kurangnya maklumat mengenai Islam.

Bandar yang pertama terkenal dalam sejarah Islam adalah *Madinah*. Di Madinah perkara pertama yang dilakukan oleh Rasul Allah saw adalah mendirikan masjid. Tujuan membangunkan masjid ini adalah untuk beribadat dan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat Islam seperti berbincang mengenai masalah-masalah mengenai kebijakan umat Islam, masalah ekonomi, sosial, pendidikan dan keharmonian umat iaitu negara. Penubuhan masjid adalah merupakan salah satu ciri kepada perbandaran Islam kalau kita melihat apa yang dilakukan oleh baginda. Selain daripada masjid sebagai pusat penyatuan umat Islam. Rasul Allah saw juga telah membentuk satu ikatan masyarakat di kalangan penduduk bandar Madinah yang beragama Islam dengan panggilan ‘*Ummah*’ dan dengan non Muslim mewujudkan satu perlembagaan iaitu ‘*Sahifah al-Madinah*’. Kedua-dua perkara ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengemaskinikan struktur pentadbiran kota Madinah yang pada ketika itu dalam keadaan perpecahan di kalangan kaum. Dan kedua adalah untuk memudahkan proses pembangunan bandar. (Sulong Muhammad:134)

Pembinaan bandar-bandar Islam terus berkembang dari masa ke masa, khususnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab. Sekurang-kurangnya ada tiga bandar baru telah dibina iaitu Kufah, Damsyik dan Fustat. Pada masa pemerintahan Umayyah bandar Islam terus bertambah antaranya Wasit dan Marw Marghah. Menurut catatan sejarah pada zaman Abasiah kira-kira lima puluh buah bandar telah dibina termasuklah Baghdad. di Eropah Istanbul dan Qurtubah, di sebelah timur seperti Kota Gujrat, di sebelah Nusantara Aceh dan Melaka menakala di Cina Kanton. Pertambahan bandar-bandar ini memperlihatkan kepada kita betapa pentingnya kehidupan di bandar menurut pandangan Islam.

Bagi Islam bandar bukan sahaja pusat terbinanya tamadun, tetapi juga sebagai nadi kepada terbinanya kebangunan Islam. Kerana itu Islam telah meletakkan bandar sebagai pintu masuk atau pembuka tirai kepada mengenali sosio budaya kehidupan masyarakat Islam keseluruhannya. Sebab itulah Rasul Allah saw telah mengariskan awal-awal lagi beberapa peraturan yang mesti dipatuhi dan diikuti oleh semua pihak semasa membina bandar Madinah.

Ciri dan Fungsi Bandar

Kehidupan bandar dan perbandaran mendapat tempat yang istimewa dalam sejarah Islam. Nabi Muhammad saw sendiri sangat optimis dengan kejayaan kehidupan di

bandar. Malah baginda tidak pernah meninggalkan bandar sejak dilantik menjadi Rasul sehingga wafatnya. Ini memberi gambaran bahawa kehidupan bandar adalah kehidupan umat Islam. Untuk melihat lebih dekat lagi kita cuba meninjau apakah fungsi dan ciri bandar dari perspektif Islam. Para cindikiawan Islam telah meletakkan beberapa fungsi dan ciri bandar dalam Islam, dengan berasaskan kepada bandar-bandar yang telah dibina oleh Rasul Allah saw dan para Sahabatnya. Antaranya ialah :-

Bandar Pusat Pentadbiran

Antara fungsi kota Madinah ialah sebagai pusat pentadbiran dan pemerintahan Islam. Banyak institusi-institusi pentadbiran terletak di bandar. Antara institusi yang wujud pada masa Rasul Allah saw dan Khulafa al-Rasyidin ialah Institusi kehakiman, Institusi Kewangan, Institusi Ketenteraan dan institusi kemudahan awam yang lain seperti pendidikan, kesihatan dan keselamatan awam iaitu polis (Muhammad A al-Buraey: 171 - 197)¹

Bandar Pusat Pendidikan

Bandar juga berfungsi sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Antaranya ilmu perubatan, falsafah, sastera, bahasa dan astronomi. Banyak institusi pendidikan diwujudkan di bandar, tujuannya adalah bagi membolehkan para cerdik pandai mengadakan perbincangan dan tempat tumpuan masyarakat dalam dan luar negara menimba ilmu pengetahuan. Ahli-ahli sufi, ulamak-ulamak dan para pemikir Islam seperti Imam al-Ghazali, al-Hallaj, Ibn Sina, Ibn Khaldun, Ibn Taymiyyah dan Imam-imam mazhab yang empat seperti Hanafi, Maliki, Hanbali dan Syafi'e adalah muncul daripada bandar.

Terdapat banyak institusi pendidikan tinggi diwujudkan. Antaranya di Baghdad terdapat Madrasah al-Nizamiyah yang melahirkan al-Ghazali. Demikian juga Jami' al-Azhar adalah sebuah Universiti Islam yang terkemuka dan tertua dalam sejarah dunia, yang berusia lebih dari 1000 tahun, dan telah melahirkan ribuan ulamak dan para cerdik pandai Islam.

Bandar Tempat Perkembangan Seni Budaya

¹ Merujuk kepada Muhammad Buraey institusi pada masa ini disebut sebagai Diwan iaitu Diwan al-Kharaj, Diwan al-Khatam, Diwan al-Barid, Diwan al-Rasa'il, Diwan al Hisbah dan Diwan al-Mazalim.

Seni budaya juga menjadi faktor kepada penonjolan bandar-bandar Islam. Antara seni yang menarik perhatian kita ialah senibina Islam, tulisan Khat (Calligraphy) dan seni muzik. Seni bina Islam dapat dilihat pada bangunan-bangunan Masjid, dan setiap bandar Islam terdapat sebuah masjid besar yang dinamakan *Masjid Jami'* yang lazimnya terletak di tengah-tengah bandar. Masjid-masjid ini diukir dan ditulis ayat-ayat al-Qur'an dengan menggunakan seni khat Islam seperti Nasakh, Thuluth dan Kufi. Bangunan-bangunan juga diukir dengan pelbagai bentuk umpamanya Istana al-Hamra di kota Granada (Spanyol) adalah dianggap sebuah bangunan Islam yang terindah.

Bandar Tempat Perlindungan Dan Pertahanan

Bandar juga berfungsi sebagai pusat pertahanan dan ketenteraan. Organisasi ketenteraan adalah organisasi terpenting bagi sebuah negara Islam yang baru muncul. Semasa pemerintahan Umar al-Khattab beliau telah mewujudkan organisasi ketenteraan bagi menakluki negara-negara yang bersempadanan dengan negara Islam. Di samping bandar dijadikan sebagai pusat merancang strategi pertahanan negara.

Bandar Tempat Perkembangan Ekonomi Dan Pelancungan

Bandar dalam Islam berfungsi sebagai pusat perkembangan ekonomi dan pusat perdagangan. Bandar menjadi tempat tumpuan peniaga, pedagang dan peladang menawarkan hasil perniagaan dan juga perladangan mereka. Bandar dijadikan tempat para pedagang berinteraksi antara satu sama lain dalam urusan perdagangan mereka, dan ianya juga menjadi tempat tumpuan masyarakat untuk mendapat bahan-bahan keperluan harian mereka.

Selain daripada pusat dagangan, bandar juga dijadikan sebagai tempat di mana orang ramai untuk melihat kesan-kesan sejarah tinggalan masyarakat lampau lebih tepat lagi sebagai tempat pelancungan. Dalam aspek ini Rasul Allah saw pernah mendorong umat Islam kalau hendak bermusafir hendaklah pergi ketiga masjid iaitu Masjid al-Haram, Masjid al-Nabawi dan Masjid al-Aqsa semua masjid tersebut adalah terletak ditengah-tengah bandar. Kerana itu kalau kita melihat tempat tumpuan orang bermusafir dari aspek sejarahnya adalah bandar-bandar besar Islam seperti Madinah, Makah dan Baghdad. Dalam al-Qur'an juga ada menyebut supaya kita pergi bermusafir ketempat-tempat yang telah banyak meninggalkan sejarah, tujuannya untuk mengambil pengiktibaran daripada peristiwa yang berlaku itu.

Untuk tujuan memudahkan para musafir tinggal lama di bandar-bandar Islam. Pemerintah Islam pada ketika itu telah menyediakan rumah-rumah tumpangan atau rumah

persinggahan untuk para musafir luar berihat dan mengenali secara dekat tentang kehidupan umat Islam ketika itu.

Ciri Bandar Islam

Walaupun Islam lahir di bandar, tetapi ianya mempunyai pandangan tersendiri tentang bandar, kerana kehidupan di bandar agak berbeza dengan hidup di desa. Kerana itu kita lihat para ulamak telah mengariskan beberapa asas yang penting untuk memastikan bandar itu dianggap sebagai bandar Islam atau bandar yang sesuai dengan perspektif Islam. Antaranya ialah :-

Mejoriti Penduduknya

Secara umumnya majoriti penduduk bandar dalam sejarah negara Islam adalah dihuni oleh orang-orang Islam. Justeru itu ulamak telah meletakkan syarat bandar Islam bagi pandang mereka majoriti penduduknya adalah beragama Islam. Umpamanya Madinah, Mekah, Baghdad dan Kuffah. Malah umat non-Muslim dilarang masuk ke bandar Mekah kerana Mekah adalah tanah haram bagi golongan non Muslim dan tanah suci bagi orang muslim, walau bagaimanapun ciri ini boleh diperbahaskan lagi.

Pentadbiran Mengikut Syariat Islam

Ulamak juga telah meletakkan bahawa sumber dan dasar pentadbiran bandar mestilah berteraskan kepada sumber dan dasar pentadbiran Islam. Seperti Syura, keadilan, persamaan dan Kebebasan. Malah undang-undang yang hendak dilaksanakan mestilah berasaskan kepada undang-undang yang sesuai dengan syariat Islam. Kes ini berlaku apabila terbinanya Madinah sebagai pusat pentadbiran Islam pertama, Rasul Allah saw telah mewujudkan '*sahifah Madinah*' sebagai asas perundangannya. Hal yang sama juga kalau kita melihat undang pentadbiran kerajaan Melayu Melaka, yang telah dipengaruhi oleh Islam dalam pemerintahannya telah memuktubkan dalam undang-undang pentadbirannya sesuai dengan hukum-hukum Islam. Seperti undang-undang laut Melaka yang diketuai oleh Shahbandar dan kanun Melayu Melaka adalah berasaskan kepada kanun Islam.

Ajaran Islam Dapat Diamalkan Dengan Baik

Bandar dalam Islam memberi kebebasan penduduknya mengamalkan ajaran Islam atau agama-agama yang mereka anuti dengan baik dan sempurna, tanpa ada gangguan dan ancaman daripada mana-mana pihak. Masyarakat di bandar akan hidup dalam keadaan aman, berkerjasama, bertolong bantu antara satu sama lain, tanpa ada diskriminasi antara kaum, sama ada muslim atau non Muslim dan mereka boleh berintraksi dengan bebas. Penduduk di bandar Islam terikat dengan satu bentuk perjanjian perdamaian yang jelas dan sesuai dengan keadaan stuasi masyarakatnya. Masyarakat mendapat pendidikan yang baik dan sempurna dan tidak ada perselisihan tentang perkara tersebut. Kehidupan sosial juga bebas daripada nilai-nilai negatif seperti pusat-pusat hiburan, tempat perjudian, Karaoka dan pusat kemaksiatan seperti rumah-rumah pelacuran dan sebagainya.

Pengaruh Perbandaran Dalam Kehidupan

Tidak dapat dinafikan bandar dan perbandaran telah banyak mempengaruhi sistem nilai dan adap masyarakat Islam sama ada dari aspek sosial, politik, ekonomi dan budaya. Pengaruh ini dapat kita lihat dengan jelas menerusi sejarah perkembangan bandar-bandar Islam sejak dahulu lagi. Banyak perbezaan antara kehidupan di bandar dan kehidupan masyarakat kampung. Antaranya ialah :-

Pertama Perubahan berhubungan dengan sosio budaya masyarakat. Ibn Khaldun pernah mengungkapkan bahawa orang desa lebih tinggi moralnya berbanding orang bandar. Di mana Kebanyakan orang desa hidup secara tabi dan fitrahnya membesar dan dipengaruhi oleh alam sekitar, jika alam sekitarnya baik maka baiklah ia dan jika buruk maka buruklah mereka pula. Orang desa jiwa mereka tenang dan tenteram, mereka lebih berani dari orang kota, kerana mereka hidup secara sendirian dan tidak terdapat sistem pertahanan yang kukuh yang boleh melindungi mereka dari serangan dan ancaman musuh, menjadikan mereka lebih berani dan yakin dengan diri sendiri. " (*Ibn Khaldun: 329*). Sementara masyarakat kota pada pandangan Ibn Khaldun pada kebiasaannya tenggelam dengan kemewahan, mencari kesenangan dan keduniaan sehingga diri dan jiwa mereka berlumur dengan kejahatan dan jauh daripada kebaikan. Orang kota kata Ibn Khaldun hidup senang, mewah dan dikawal oleh kubu-kubu pertahanan." (*Ibn Khaldun:329*).

Kedua ialah dari aspek hubungan sosial di mana masyarakat bandar adalah lebih luas dan tidak terbatas kepada sesuatu kelompok atau keturunan sahaja, sebagaimana yang terdapat di desa. Di bandar Islam seperti Madinah, Baghdad, al-Qahirah dan lainnya, terdapat berbagai bangsa dan keturunan serta kepercayaan yang mereka pegang. Interaksi sosial di kalangan masyarakat bandar boleh membawa kepada pelbagai masalah dan cabaran. Antaranya ialah pertembungan pemikiran yang akhirnya telah membawa kepada kelahiran Mazhab-mazhab dalam Islam yang kadang kala membawa pertelingkahan antara kaum. Kedua adalah cabara pergolakan hidup di bandar

menyebabkan penduduk bandar terpaksa berjuang untuk mencapai kejayaan. Ketiga ialah proses asimilasi antara kaum dan keturunan khususnya dari bangsa Arab dan bukan Arab, dan ianya telah membawa kepada perkembangan Islam begitu meluas di Asia dan Afrika.

Ketiga ialah dari aspek sosio ekonomi, dimana keadaan di bandar lebih pesat berkembang, berbanding kehidupan ekonomi di desa, kerana di desa tidak terdapat alat-alat pertanian yang baik dan canggih bagi kaum tani membina kemajuan pertanian mereka. Di samping kehidupan masyarakat desa lebih bergantung kepada hasil pertanian sahaja. Kata Ibn Khaldun "kemajuan dan kemewahan bandar bergantung kepada jumlah penduduknya, semakin ramai penduduk bandar semakin pesat kemajuan dan kemewahan yang akan mereka kecapai. Kerana setiap individu memberi kerjasama yang akan membawa kemakmuran bandar. Pertambahan penghasilan ekonomi dan kemewahan hidup membawa kepada pertambahan pertumbuhan industri". (*Ibn Khaldun:329*)

Perbandingan Bandar Dulu dan Sekarang

Melihat kepada konsep perbandaran yang diamalkan pada masa ini tidak banyak corak dan perbezaannya, dengan rupa bentuk perbandaran yang telah dibangunkan dalam sejarah Islam. Umpamanya Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) telah mengemukakan strategi sendiri yang sesuai dengan kuasa yang diberikan kepadanya. Antara strategi yang telah dirancang ialah, *Pembangunan Gunatanah*. Konsep yang digunakan ialah setiap keluasan tanah hendaklah diusahakan seperti Perumahan, Pemuliharaan Alam, Taman rekreasi. Kedua aspek *Perumahan*, dimana setiap projek yang hendak dilaksanakan, akan dilihat dari aspek kepadatan penduduk dan sebagainya. Ketiga *Kawasan Perdagangan*, di mana MPMBB membuat nilai nisbah plot, mengawal saiz zon perdagangan agar mudah dikawal. Keempat ialah dari *aspek Pendidikan*. Di mana MPMBB melakukan pemindahan sekolah-sekolah yang tidak sesuai dengan pusat bandar dan pusat industri. Dengan demikian MPMBB telah mengadakan dua kaedah yang sesuai iaitu pertama rancangan perpindahan kawasan sekolah daripada hingar-bingar kota. Kedua menyediakan tapak bagi mewujudkan sekolah-sekolah baru.

Kelima ialah dari *aspek Perindustrian*, di mana ianya menjadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi. Di samping ianya sebagai sumber pekerjaan kepada setiap penduduk dalam satu-satu kawasan, dengan wujudnya industri kecil dan sedarhana. Keenam adalah dari *aspek Pelancungan*. Di Mana MPMBB telah meletakkan Melaka sebagai salah satu destinasi yang menarik kepada para pelancung dengan menyediakan kemudahan-kemudahan penginapan seperti Hotel, Hostel, Condotel dan Resort. Perkara ini semimangnya telah menjadi pernyataan yang diungkapkan oleh Rasul Allah saw ketika membicarakan tentang musafir. Di mana tempat yang pertama disebut oleh Rasul Allah saw adalah Masjid Nabi, Masjid al-Haram dan Masjid al-Aqsa di mana tempat-tempat ini dari aspek sejarah Islam telah menyediakan kemudahan-kemudahan awam sebagaimana yang telah dirancang oleh pihak berkuasa tempatan MPMBB.

Penutup

Bandar bukanlah tempat asing bagi umat Islam. Malah pada pandangan penulis masyarakat desa haruslah mempelajari dan berusaha supaya menjadi masyarakat bandar. Walaupun pada dasarnya kehidupan dibandar akan berhadapan dengan berbagai masalah dan cabaran namun kehidupan bandar adalah kehidupan masyarakat Islam. Corak kehidupan masyarakat bandar adalah bergantung kepada situasi masyarakat yang ada pada ketika itu. Mereka boleh menentukan cara gaya kehidupan mereka sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain asalkan ianya tidak lari dari garispanduan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Masyarakat bandar adalah masyarakat yang bertamadun dalam corak kehidupan sosial, ekonomi dan politik. Sepatutnya Mereka lebih beradap, berilmu pengetahuan, berpandangan luas, berpandangan jauh dan tersusun, disamping seharusnya mereka adalah terdiri daripada masyarakat yang lebih peka dan prihatin dengan kehidupan dan penghidupan masyarakat keseluruhannya. Bandar bukanlah tempat berlakunya maksiat dan sumber atau pusat munculnya gejala-gejala negatif berlakunya gejala-gejala negatif itu bukanlah disebabkan wujudnya bandar tetapi ditimbulkan oleh watak-watak manusia yang menghuni bandar tersebut. Justeru itu yang harus dinilai kembali adalah dari aspek konsep dan falsafah bandar yang ada di negara ini. Supaya bandar di negara ini menjadi paksi dan pusat pembinaan tamadun umat, dan penyubur kerjasama di kalangan masyarakat yang tinggal di dalamnya.

Bibliografi

Sulong Mohamad, *Perbandaran dan Pembangunan Negara*, UKM, Selangor 1985.

Muhammad A al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Anuar Tahir, *Islam dan Masyarakat Maju*, ABIM, Petaling Jaya, 1993.

Ibn Khaldun, *Mukaddimah*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993.

Buku Laporan, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah.